

‘Benteng digital’ paling ampuh

Bernama

Kuala Lumpur

Sekatan terhadap fungsi pesanan terus (DM) dan keupayaan carian profil bagi pengguna di bawah usia 16 tahun dilihat sebagai ‘benteng digital’ paling ampuh bagi melumpuhkan ruang gerak pemangsa siber di negara ini.

Langkah itu disifatkan sebagai komponen kritikal dalam cadangan sistem pengesahan umur, terutama selepas pendedahan Ops Cyber Guardian oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menemukan hampir 500,000 fail bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM), bulan lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Siraj Jalil berkata, ciri keselamatan yang menyekat fungsi DM dan carian oleh akaun tidak di-

kenali adalah mekanisme ‘penapis pintu masuk’ atau *gatekeeping* yang mewujudkan sempadan digital jelas antara profil dewasa dan kanak-kanak.

“Melalui mekanisme ini, fungsi carian dan pesanan terus daripada akaun tidak dikenali dapat disekat secara automatik, sekali gus menghalang cubaan kontak terus (*‘cold contact’*) oleh pemangsa sebelum sebarang perbualan sempat dimulakan,” katanya.

Beliau menyifatkan penemuan dalam Ops Cyber Guardian itu sebagai isyarat bahawa keselamatan digital kanak-kanak berada pada tahap kritikal, sekali gus menjadikan langkah kerajaan menyekat akses kepada yang berusia 16 tahun ke bawah dan mewajibkan pengesahan umur sebagai satu anjakan paradigma mendesak.

Siraj berkata, pelaksanaan mandatori itu juga

mampu menghapuskan faktor anonimiti atau identiti tanpa nama yang selama ini menjadi perisai utama bagi pelaku jenayah seksual siber.

“Melalui keperluan dokumen rasmi atau biometrik, setiap akaun kini mempunyai akauntabiliti identiti dan jejak digital sah, yang berfungsi sebagai pencegah psikologi (*‘deterrent’*) kerana risiko dikesan dan ditangkap meningkat mendadak,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, pengesahan umur memaksa penyedia platform menyesuaikan algoritma dengan menyekat kandungan seksual, ganas atau berbahaya daripada dipaparkan kepada pengguna bawah umur.

Siraj berkata, inisiatif itu juga mampu memperkuat penguatkuasaan undang-undang sedia ada dengan menyediakan data sahih bagi membantu siasa-

tan PDRM.

Pada masa sama, ia menutup kelonggaran teknikal berkaitan identiti palsu serta meletakkan tanggungjawab penelitian sewajarnya ke atas penyedia platform bagi memastikan ruang digital negara kekal selamat dan berintegriti.

Bagaimanapun, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Izuan Hafez Ninggal mengingatkan keberkesanan sistem itu bergantung sepenuhnya kepada kaedah pelaksanaan.

Beliau berkata, mekanisme pengesahan sedia ada yang bersifat pengisytiharan sendiri atau *self-declaration* mudah dipalsukan oleh pengguna atau pemangsa yang menyamar kerana hanya perlu memasukkan tarikh lahir yang tidak benar serta memuat naik dokumen sokongan.